

SLIDE MAKLUMAT PEMERIKSAAN SECARA BERKALA BANGUNAN



**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MENARA BANDARAYA
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA
14000 BUKIT MERTAJAM
PULAU PINANG**



APAKAH PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN ?



- Di bawah seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 adalah mandatori bagi bangunan-bangunan diperiksa pada waktu-waktu tertentu oleh Jurutera-Jurutera Profesional untuk mengesan apa-apa kemerosotan atau kecacatan-kecacatan pada bangunan-bangunan dan kawasan persekitaran.



PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT



- Pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab untuk memastikan pemeriksaan adalah dilaksanakan mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan di dalam akta tersebut
- Pemilik bangunan bertanggungjawab ke atas perlantikan seorang jurutera untuk menjalankan pemeriksaan
- Jurutera yang dilantik untuk memeriksa bangunan



PROGRAM OUTREACH PEMERIKSAAN BANGUNAN SECARA BERKALA



TAFSIR



- PEMILIK BERKAITAN DENGAN BANGUNAN YANG MEMPUNYAI KETINGGIAN MELEBIHI 5 TINGKAT ADALAH TERMASUK:-

- Perbadanan Pengurusan ditubuhkan di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, (Akta 318) yang mempunyai kawalan ke atas bangunan itu: atau
- Seorang yang menerima apa-apa bayaran sewa bagi tujuan menyenggara harta bersama bangunan yang dipecahbagi itu.



JURUTERA



- Orang yang didaftarkan sebagai jurutera bertauliah di bawah akta jurutera-jurutera profesional 1967 (Akta 138)





- Kehendak pemeriksaan berkala ini adalah termaktub di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Seksyen ini akan terpakai bagi :-
 - **Bangunan melebihi 5 tingkat dan**
 - **Mana-mana tingkat bangunan pada atau bawah aras lantai akan dianggap sebagai sesuatu tingkat.**



INFO GRAFIK PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN



SESUATU BANGUNAN YANG SECARA FISIKAL BERSAMBUNG DENGAN BANGUNAN LAIN :



- Walaupun Bersambung, Hendaklah Dianggap Sebagai Bangunan Yang Berasingan Jika Ia Dibina Dengan Berkeupayaan Untuk Berdiri Tegak Dan Digunakan Secara Bebas Daripada Bangunan Lain; Dan
- Hendaklah Dianggap Sebagai Bangunan Berasingan Jika Ia Hanya Disambung Dengan Bangunan Lain Pada Atau Di Bawah Aras Tanah Atau Dengan Menggunakan Jambatan Yang Mempunyai Struktur Serupa. Oleh Itu Adalah Dibenarkan Dua Bangunan Berasingan Dalam Pembangunan Yang Sama Diperiksa Berasingan Jika Perakuan Menduduki

JENIS-JENIS BANGUNAN YANG WAJIB DIKENAKAN PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN



BANGUNAN KOMPLEKS KERAJAAN



HOTEL



KUATERS POLIS

PROGRAM OUTREACH PEMERIKSAAN BANGUNAN SECARA BERKALA

TEMPOH MASA PEMERIKSAAN



- **PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MBSP) MENGELOUARKAN NOTIS SECARA BERTULIS YANG DISAMPAIKAN KEPADA PEMILIK SESUATU BANGUNAN MENGHENDAKI BANGUNAN ITU DIPERIKSA :**



- Selepas tahun ke sepuluh bermula dari tarikh Perakuan Menduduki Bangunan (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang pertama berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan; dan
- Selepas dari tarikh itu, pada lat tempoh yang tidak lebih dari 10 tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir ke atas bangunan berkenaan.

TEMPOH MASA PEMERIKSAAN



- Pemilik perlu menjalankan pemeriksaan pada selang tempoh yang kurang daripada yang ditetapkan sekiranya keadaan bangunan tersebut memberi tanda akan perlunya pemeriksaan sedemikian dilakukan.
- Pemilik hendaklah memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan (MBSP) akan niat ini supaya laporan pemeriksaan seumpamanya boleh dipertimbangkan untuk diterima di bawah Seksyen 85A Akta ini jika pemeriksaan tersebut dijalankan mengikut cara yang ditetapkan di dalam.



NOTIS KEPADA PEMILIK UNTUK MENJALANKAN PEMERIKSAAN

- Contoh Notis kepada pemilik bangunan yang akan diperiksa.



Ruj Kami :
Tarikh :

Alamat

Tuan,

NOTIS UNTUK PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN
Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

NAMA BANGUNAN :
ALAMAT BANGUNAN :

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Di bawah seksyen 85A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 adalah mandatori bagi bangunan-bangunan diperiksa pada waktu-waktu tertentu oleh Jurutera-Jurutera Profesional untuk mengesan apa-apa kemerosotan atau kecacatan-kecacatan pada bangunan-bangunan dan kawasan persekitaran.

3. Anda dengan itu, dikehendaki melantik seorang Jurutera dalam tempoh **60 hari** dari tarikh notis ini dan memberitahu kami perlantikan tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh itu. Ia hendaklah juga disertai dengan satu perakuan yang ditandatangan oleh Jurutera Profesional mengenai perlantikan beliau untuk memeriksa bangunan dan kawasan persekitaran yang terbabit. Bagi kemudahan anda, Borang 2 dikepilkan untuk dipenuhi oleh anda dan dikembalikan pada

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NURHAZWANI BINTI MOHD RAMLE)

Penolong Pengarah Kanan Bangunan
b.p. Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

NOTIS KEPADA PEMILIK UNTUK MENJALANKAN PEMERIKSAAN



- Sekiranya perbadanan pengurusan belum ditubuhkan dan unit-unit bangunan dimiliki secara berasingan oleh pemilik-pemilik persendirian maka **pihak berkuasa tempatan (MBSP)** akan menghantarkan notis secara berasingan kepada pemilik-pemilik individu.
- Oleh kerana Akta menghendaki semua bangunan diperiksa secara keseluruhan dan bukannya dalam bahagian-bahagian, pemilik-pemilik adalah dinasihatkan berbincang sesama sendiri untuk melantik seorang Jurutera bagi menjalankan pemeriksaan ke atas keseluruhan bangunan dan mengemukakan laporan bersama kepada pihak berkuasa tempatan (MBSP).

NOTIS KEPADA PEMILIK UNTUK MENJALANKAN PEMERIKSAAN



- Dalam kes di mana hakmilik strata belum dikeluarkan, pihak berkuasa tempatan (MBSP) akan menghantar notis kepada pemaju bangunan yang terbabit.
- Setiap pemilik bangunan yang menerima notis di bawah Sub-Seksyen (3), Seksyen 85A, menguruskan supaya bangunan tersebut diperiksa dalam masa yang ditetapkan di dalam notis berkenaan.
- Jika notis di bawah Sub-Seksyen (3) Akta ini tidak dipatuhi, pihak berkuasa tempatan boleh :-

→ Memeriksa bangunan atau meminta bangunan itu diperiksa oleh seorang Jurutera yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan ; dan

→ Menuntut semua perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah oleh pihak berkuasa tempatan daripada pemilik bangunan.

PERLANTIKAN JURUTERA



- Pemunya bangunan yang diberikan notis hendaklah :-
 - Dalam **60 HARI** dari tarikh notis, atau suatu tempoh masa yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan,
 - Melantik **seorang Jurutera bertauliah bagi tujuan memeriksa bangunan berkenaan; dan**
 - Memaklumkan pihak berkuasa tempatan (MBSP) mengenai perlantikan itu dalam masa 14 hari dari tarikh perlantikan tersebut.
 - Pemakluman ini hendaklah disertakan dengan pengesahan oleh Jurutera berkenaan mengenai perlantikan beliau untuk memeriksa bangunan tersebut.



PERLANTIKAN JURUTERA



- Jika pemilik tidak berupaya untuk melantik seorang Jurutera bertauliah mengikut tempoh yang ditetapkan, maka hendaklah menulis kepada pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan kebenaran lanjutan masa yang munasabah, dengan memberikan sebab-sebabnya.
- Jika pemilik masih belum melantik Jurutera selepas lanjutan masa tersebut, pihak berkuasa tempatan (MBSP) boleh melantik seorang Jurutera untuk tujuan pemeriksaan tersebut dan menuntut perbelanjaan bagi menjalankan pemeriksaan daripada pemilik.



KEBEHASAN JURUTERA



- Seorang Jurutera **tidak boleh dilantik oleh pihak berkuasa tempatan** (MBSP) atau pemilik bangunan bagi tujuan menjalankan pemeriksaan sesuatu bangunan di bawah Seksyen 85A jika Jurutera berkenaan mempunyai sebarang kepentingan professional atau kewangan dalam bangunan itu.



SEORANG JURUTERA HENDAKLAH DIANGGAP MEMPUNYAI KEPENTINGAN PROFESSIONAL ATAU KEWANGAN DALAM MANA- MANA BANGUNAN JIKA :



- Beliau telah bertanggungjawab merekabentuk atau mendirikan bangunan itu atau mana-mana bahagian daripadanya;
- Beliau atau sesiapa yang dilantik oleh beliau adalah ahli, pegawai atau pekerja syarikat atau mana-mana badan yang mempunyai kepentingan profesional atau kewangan ke atas bangunan berkenaan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- Beliau adalah rakan kongsi atau bekerja di bawah seseorang yang mempunyai kepentingan profesional atau kewangan ke atas bangunan itu atau mana-mana bahagian daripadanya;
- Beliau memegang kepentingan dalam bangunan tersebut atau mana-mana bahagian darinya;
- Seorang hendaklah dianggap mempunyai kepentingan profesional dalam bangunan itu walaupun beliau mempunyai kepentingan hanya sebagai pemegang amanah untuk kepentingan orang lain; dan
- Dalam kes orang yang berkahwin dan tinggal bersama, kepentingan suami atau isteri hendaklah, jika diketahui oleh satu pihak dianggap mempunyai kepentingan pihak yang satu lagi.

TANGGUNGJAWAB SEORANG JURUTERA



- Seorang Jurutera bertauliah yang dilantik untuk menjalankan pemeriksaan ke atas sesuatu bangunan hendaklah:
 - Menjalankan pemeriksaan dengan cara yang ditetapkan di bawah garispanduan ini;
 - Apabila siap pemeriksaan, menyedia dan menandatangani laporan hasil pemeriksaan; dan
 - Menyerahkan satu salinan laporan kepada pihak berkuasa tempatan (MBSP) dalam tempoh masa yang ditetapkan di dalam notis.
 - Jurutera yang dilantik oleh pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pemeriksaan yang dijalankan.
 - Satu situasi di mana beliau mewakilkan tugas pemeriksaan sepenuhnya kepada seorang yang lain atau pembantu-pembantu beliau di tapak tidak akan diterima



KAEDAH PEMERIKSAAN BANGUNAN DI BAWAH AKTA



- Pemeriksaan sesuatu bangunan boleh melibatkan satu atau kedua-dua perkara seperti berikut :-
 - **Pemeriksaan visual**
 - **Penyiasatan struktur secara menyeluruh**
- Pemilik bangunan dikehendaki untuk melantik seorang Jurutera bertauliah bagi menjalankan pemeriksaan visual sebagai peringkat pertama.
- Keperluan penyiasatan struktur secara menyeluruh akan bergantung kepada jenis, tahap dan keketaraan kecacatan, deformasi dan kemerosotan keadaan pada struktur yang dijumpai oleh Jurutera di dalam pemeriksaan visual

- Seorang Jurutera yang menjalankan pemeriksaan di bawah seksyen ini hendaklah memeriksa bangunan tersebut mengikut kaedah seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 85A, Akta tersebut yang mana hendaklah mengambilkira perkara-perkara berikut :

- satu pemeriksaan visual bangunan, termasuk tinjauan ke atas keadaan bangunan, elemen-elemen struktur dan sabarang tambahan atau perubahan ke atas bangunan dan elemen-elemen strukturnya
- satu pemeriksaan visual kawasan persekitaran bangunan termasuk cerun dan sistem perparitan dan sebarang perubahan kepada struktur penahan cerun;
- penyediaan dan pengemukaan satu laporan hasil daripada pemeriksaan visual di bawah perenggan (a) kepada pihak berkuasa tempatan (MBSP) ;
- sekiranya setelah merujuk kepada hasil pemeriksaan visual di bawah perenggan (a), Jurutera itu mengesyaki secara munasabah atau berpendapat bahawa terdapat kecacatan, deformasi atau kemerosotan keadaan pada bangunan dan elemen-elemen strukturnya yang akan atau berkemungkinan membahayakan atau memberikan kesan negatif kepada kestabilan struktur atau keutuhan ke atas mana-mana bahagian bangunan berkenaan maka beliau hendaklah memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan mengenai keperluan untuk menjalankan penyiasatan struktur secara menyeluruh termasuk penyiasatan berkaitan dengan elemen-elemen strukturnya;

PENYIASATAN STRUKTUR SECARA MENYELURUH HENDAKLAH MERANGKUMI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-



- Mengambil semua langkah-langkah yang munasabah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan rekabentuk, pembinaan, penyelenggaraan dan sejarah bangunan itu;
- Dengan ketelitian memeriksa pelan-pelan struktur bangunan dan pengiraannya atau jika pelan tidak diperolehi menyediakan semula pelan-pelan struktur tersebut yang dikehendaki oleh pihak berkuasa tempatan, dengan tujuan untuk menentukan sebarang kelemahan di dalam elemen-elemen struktur bangunan tersebut;
- Menjalankan ujian dijalankan ke atas eleman struktur bangunan dengan teliti tanpa mengakibatkan kerosakan ke atas mana-mana bahagiannya;
- Menjalankan ujian ke atas bahan yang digunakan di dalam pembinaan bangunan-bangunan tersebut; dan
- Menjalankan ujian ke atas bahagian bangunan yang difikirkan perlu oleh Jurutera berkenaan;

PENYIASATAN STRUKTUR SECARA MENYELURUH HENDAKLAH MERANGKUMI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-



- Jurutera hendaklah menyedia dan mengemukakan kepada pihak berkuasa tempatan (MBSP) satu laporan hasil daripada penyiasatan struktur secara menyeluruh yang dijalankan di bawah perenggan (d) bersama-sama dengan syor beliau.



LAPORAN HASIL PEMERIKSAAN



- LAPORAN HASIL PEMERIKSAAN BANGUNAN HENDAKLAH MENGANDUNGI :-
 - Keterangan terperinci mengenai pemeriksaan visual dan sebarang penyiasatan struktur secara menyeluruh ke atas bangunan yang dijalankan oleh Jurutera itu;
 - Analisa mengenai pemerhatian dan ujian-ujian yang dijalankan selaras dengan sebarang pemeriksaan struktur bangunan secara menyeluruh; dan
 - Syor-syor oleh Jurutera berkenaan mengenai kerja-kerja bangunan yang diperlukan bagi memastikan kestabilan dan keutuhan bangunan

LAPORAN HASIL PEMERIKSAAN



- Pihak berkuasa tempatan (MBSP) boleh, jika ia berpuashati setelah menilai laporan pemeriksaan yang dikemukakan di bawah perenggan 10.1(a) atau laporan penyiasatan struktur secara menyeluruh dan syor-syor Jurutera yang dikemukakan di bawah perenggan 10.1(b) yang mana berkaitan :-
 - Diterima secara menyeluruh;
 - Ditolak;
 - Diterima sebahagian daripadanya; atau
 - Mendapatkan pandangan kedua mengenainya.

LAPORAN HASIL PEMERIKSAAN



- Pihak berkuasa tempatan (MBSP) hendaklah selepas itu :-
 - Mengeluarkan satu perintah kepada pemilik bangunan untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk memperbetul atau memulihkan sebarang kecacatan, deformasi atau kemerosotan seperti yang disyorkan oleh Jurutera berkenaan dalam tempoh sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (MBSP) ; atau
 - Boleh mengeluarkan, sebagai menggantikan penyiasatan, di bawah **Seksyen 83, Akta 133, arahan menutup atau merobohkan bangunan tersebut kepada pemiliknya jika pihak berkuasa tempatan (MBSP) berpuashati bahawa struktur tersebut tidak boleh dibaikpulih ke tahap yang selamat kepada persekitarannya.**

PELAKSANAAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN



- Kerja-kerja pembaikan besar dan pengukuhan, di mana perlu, hendaklah dianggap sebagai kerja-kerja bangunan. Contoh-contoh bagi kerja ini termasuklah menggantikan besi tetulang yang berkarat, pembinaan semula tangki air dan kerja-kerja "*under pinning*". *Dengan itu, semua permohonan yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan Pelan Bangunan, Permit untuk menjalankan kerja-kerja bangunan dan pengawasan kerja-kerja bangunan hendaklah terpakai.*
- Kerja-kerja baik pulih yang kecil boleh dianggap sebagai penyelenggaraan rutin dan tidak memerlukan pengemukaan Pelan Bangunan atau permohonan Permit.





Contoh: Tiang Retak



Contoh: Tangki Air Pecah



Contoh: Rasuk (Beam) retak




Contoh: Siling Runtuh

Gagal Mematuhi Notis / Perintah Pemeriksaan Berkala Bangunan



- Tindakan di bawah seksyen 85A(13) boleh dikenakan iaitu Tindakan Mengkompaun kepada pemunya bangunan mengikut Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (Majlis Bandaraya Seberang Perai) Jalan, Parit Dan Bangunan 2020 iaitu tidak kurang daripada **RM15,000.00** dan tidak melebihi **RM50,000.00**

CARTA ALIRAN BAGI PROSEDUR PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN



BORANG 2- BUTIRAN-BUTIRAN JURUTERA

**Borang ini boleh didapati di Laman Web Rasmi
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
/Borang/ Bangunan/Pemeriksaan Berkala
Bangunan**

BORANG 2

BUTIR-BUTIR JURUTERA PROFESIONAL

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
Menara MBSP, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam.

1. Butir-butir bangunan yang hendak diperiksa:

No Siri Notis	:
*No. BP / ST	:
*Lot / Plot	:
Alamat / Jalan	:
Diskripsi Bangunan	:
Nama Bangunan (jika berkaitan)	:
Nama Pemaju Asal / Pemilik	:
Nama Arkitek	:
Nama Jurutera Profesional	:
Nama Kontraktor Asal	:

2. Saya ingin memaklumkan bahawa saya telah melantik Jurutera Profesional berikut untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas bangunan seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 85(A) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974

Nama Jurutera	:
No Pendaftaran Jurutera	:
Nama dan Alamat Firma Profesional	:

CONTOH

Nama & Tandatangan Pemilik / Perbadanan Pengurusan :	Alamat Pemilik / Perbadanan Pengurusan :
.....
.....
.....

Tarikh : Tel :

3. Saya (Jurutera Profesional) dengan ini :

 - Mengesahkan bahawa saya telah dilantik oleh (pemilik / perbadanan pengurusan) untuk menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan di atas dan kawasan persekitaran, dan
 - Mengisyiharkan bahawa saya tidak mempunyai kepentingan profesional atau kewangan di dalam bangunan di atas.

..... Tarikh

.....

* Potong mana yang tidak berkenaan.

BORANG 3- SIJIL PEMERIKSAAN VISUAL

BORANG 3

SIJIL PEMERIKSAAN VISUAL Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Seksyen 85 (A)]

(Alamat Pihak Berkuasa Tempatan)

.....
.....
.....
.....

NAMA BANGUNAN :

ALAMAT BANGUNAN :

1. Seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 85(A) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, saya (Jurutera Profesional) telah menjalankan pemeriksaan visual bagi bangunan di atas dan kawasan persekitarannya dari hingga (tarikh).
2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa :
 - *(a) tiada tanda mengenai kecacatan-kecacatan struktur penting dilihat.
 - *(b) kecacatan-kecacatan yang memerlukan pengawas, tetapi bukan penyiasatan struktur dan tindakan pembalakan (jika ada) telah kelihatan pada bangunan dan kawasan persekitaran oleh saya semasa pemeriksaan dibuat oleh saya.
 - *(c) bahawa tanda-tanda kemungkinan menghalangi kecacatan-kecacatan struktur penting telah dikesan pada bangunan dan sistem perlindungan cerun semasa saya membuat pemeriksaan. Satu penyiasatan penuh dan serta-merta untuk menentukan kesan-kesan ke atas struktur masih diperlukan.
3. Saya dengan ini me temukarkan laporan saya ke atas pemeriksaan visual mengenai bangunan di atas dan kawasan persekitaran, disediakan dengan sepatutnya dan ditandatangani seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta ini.

.....
(Cop & Tandatangan)

Nama :
No. Pendaftaran :
Nama Firma :
Alamat Firma :
Tarikh :

sk :
Pemilik Bangunan / Perbadanan Pengurusan
* Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG 3- SIJIL PEMERIKSAAN STRUKTUR

BORANG 4

SIJIL PEMERIKSAAN STRUKTUR Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Seksyen 85 (A)]

(Alamat Pihak Berkuasa Tempatan)

.....
.....
.....
.....

NAMA BANGUNAN :

ALAMAT BANGUNAN :

1. Seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 85(A) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, saya (Jurutera Profesional) telah menjalankan pemeriksaan visual bagi bangunan di atas dan kawasan sekitar dari hingga (tarikh).

* 2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa tanda kecacatan-kecacatan yang mungkin seperti yang dikesan dahulu dalam laporan pemeriksaan visual bertarikh tidak membabitkan struktur penting.

Dalam membuat kesimpulan, saya mengesahkan bahawa :

- (*a) Saya telah memeriksa pelan-pelan struktur dan perkiraan-perkiraan berkaitan dengan bangunan di atas dan sistem perlindungan cerun dan saya berpuas hati bahawa tiada kekurangan di dalam elemen-elemen utama struktur.
- (*b) Saya telah menyediakan semula pelan-pelan struktur dan berpuas hati tiada kekurangan tempat di dalam elemen-elemen utama struktur yang boleh ditemui dengan penilaian struktur demikian.

* 3. Saya dengan ini memberitahu bahawa penyiasatan ini telah mengesahkan bahawa terdapat kecacatan-kecacatan struktur penting.

Di dalam membuat kesimpulan, saya mengesahkan bahawa :

- (*c) Saya telah menyemak pelan-pelan struktur dan perkiraan berkaitan dengan bangunan di atas dan sistem perlindungan cerun.
- (*d) Saya telah menyedia semula pelan-pelan struktur di mana mungkin dan menjalankan penilaian struktur.

Laporan seperti yang diketepikan telah dikemukakan kepada pemilik / perbadanan pengurusan bangunan dan pihak berkenaan telah dinasihatkan untuk memperbaiki kecacatan-kecacatan dengan serta-merta.

Saya dengan itu mengemukakan laporan saya bagi penyiasatan penuh struktur dan juga analisa dan perkiraan rekabentuk saya sendiri berkaitan dengan bangunan di atas dan sistem perlindungan cerun, termasuk cadangan untuk kerja-kerja pembalikan (jika ada).

(Cop & Tandatangan)

Nama :
No. Pendaftaran :
Nama Firma :
Alamat Firma :
Tarikh :

sk :
Pemilik Bangunan / Perbadanan Pengurusan
* Potong mana yang tidak berkenaan

CONTOH

BORANG 5-
SIJIL PENYATA KERJA PEMBAIKAN

**Borang ini boleh didapati di Laman Web Rasmi
Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
/Borang/ Bangunan/Pemeriksaan Bangunan
Berkala**

BORANG 5

SIJIL PENYATA KERJA PEMBAIKAN
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
[Seksyen 85 (A)]

(Alamat Pihak Berkuasa Tempatan)

.....
.....
.....
.....

NAMA BANGUNAN :

ALAMAT BANGUNAN :

1. Saya (Jurutera Profesional) telah mengawasi kerja yang dijalankan ke atas bangunan di atas dan kawasan persekitaran sepetimana yang disediakan dalam laporan yang dikepilkhan.

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa kecacatan-kecacatan seperti yang dikenalpasti dalam laporan bertarikh telah diperbaiki dengan sepenuhnya dan memuaskan pada tarikh pemeriksaan saya pada

.....
(Cop & Tandatangan)

Nama :

No. Pendaftaran :


Nama Firma :

Alamat Firma :

Tarikh :

sk :
Pemilik Bangunan/Perbadanan Pengurusan

KANDUNGAN LAPORAN



PEMERIKSAAN BANGUNAN SECARA BERKALA DIBAWAH AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133) UNTUK

Kandungan

- 1.0 Pengenalan
- 2.0 Maklumat Umum Bangunan
- 3.0 Struktur Bangunan dan Persekutaran Bangunan Sediada
- 4.0 Prosedur Pemeriksaan
- 5.0 Kawasan Pemeriksaan
- 6.0 Pemeriksaan Persekutaran Bangunan
- 7.0 Pemeriksaan Dalaman Bangunan
 - 7.1 Pemeriksaan keatas perubahan yang dilakukan
 - 7.2 Pemeriksaan kecacatan
- 8.0 Rumusan dan Syor Jurutera
- 9.0 Pengesahan Jurutera

LAMPIRAN-LAMPIRAN

**Borang ini boleh didapati di Laman Web Rasmi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
/Borang/ Bangunan/Pemeriksaan Bangunan Berkala**

CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI MBSP DALAM MELAKSANAKAN PEMERIKSAAN BERKALA BANGUNAN



- Pemilik bangunan tidak mempunyai pengetahuan berkaitan keperluan pemeriksaan berkala bangunan bagi bangunan melebihi 5 tingkat.
- Pemunya bangunan / Perbadanan Pengurusan Bangunan tiada peruntukan kewangan untuk melantik jurutera.
- Bangunan dalam keadaan terbiar, tiada penghuni.
- Notis diserah berkali-kali tapi tiada tindakan dari pemilik bangunan
- Tindakan MBSP membawa pemilik bangunan yang ingkar ke mahkamah ???



KESIMPULAN



- Pemilik hendaklah menganggapkan penyelenggaraan struktur bangunan sebagai perkara rutin yang mustahak dan hendaklah mempunyai sumber-sumber dan program penyelenggaraan yang dirancang dengan baik yang dilaksanakan sepanjang hayat bangunan-bangunan itu.
- Adalah juga amat mustahak bagi Jurutera yang telah dilantik untuk menjalankan pemeriksaan berkala untuk tugas-tugas mereka secara profesional dan bertanggungjawab.



JURUTERA PERUNDING



Pengerusi
Institution Of Engineers Malaysia (IEM)
Penang Branch
1-04-02, E-Gate
Lebuh Tunku Kudin 2
11700 GELUGOR, PENANG

- Laman Web : <https://iempenang.org/>
- Emai :iempenangbranch@gmail.com
- Tel: 04-606 5998/5997
- Mobile : 018-462 7577

•NOTA

- Tuan/puan juga boleh melantik mana-mana Jurutera Perunding yang bertauliah mengikut kesesuaian oleh pihak tuan/puan
- Sebarang Fee atau bayaran adalah tertakluk kepada rundingan pihak tuan/puan dengan Jurutera Perunding yang dilantik dan tiada kaitan dengan MBSP

BORANG – BORANG YANG BERKAITAN



- **BORANG-BORANG YANG BERKAITAN BOLEH MENGUNAKAN LINK YANG DISEDIAKAN**



PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS



- Sebarang pertanyaan berkaitan , sila hubungi

Jabatan Bangunan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Menara Bandaraya,

Jalan Perda Utama, Bandar Perda,

14000 Bukit Mertajam

No Tel : 04-5497737 (Helpdesk)

Email : onlinebgn@mbsp.gov.my



SEKIAN, TERIMA KASIH

